

28/01/2003

Guru SAR mula terima dasar Pusat

Manzaidi Mohd Amin

KOTA BHARU: Guru sekolah agama rakyat (SAR) negeri ini mula menerima dasar

Kerajaan Pusat dan menyatakan sokongan mereka untuk diserapkan ke sekolah

aliran kebangsaan.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa

Mohamed, berkata sokongan itu ditunjukkan guru berkenaan menerusi kehadiran menggalakkan pada majlis penerangan anjuran Jabatan Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan (JHEK) sejak sebulan lalu.

"Kehadiran lebih 60 peratus daripada 1,161 guru SAR dalam majlis anjuran

kerajaan menunjukkan sikap keterbukaan mereka. Kita berasakan perubahan sudah berlaku dan guru ini mula menerima penjelasan kita.

"Ini adalah usaha gigih kerajaan membuka minda guru berkenaan sehinggakan mereka berubah fikiran dan menyatakan persetujuan menerima pelawaan kita ke sekolah kebangsaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perjumpaan dan ramah mesra dengan guru SAR di Hotel New Pacific, semalam.

Kira-kira 800 daripada 1,161 guru SAR peringkat sekolah rendah dan menengah negeri ini mendengar amanat dan menyertai sesi dialog dengan Mustapa dan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kelantan, Datuk Shafii Ismail.

Mustapa berkata, sama ada guru berkenaan setuju atau tidak dengan dasar

itu, kerajaan sudah membuat keputusan untuk tidak meneruskan bantuan kepada SAR dan mempelawa mereka serta pelajar ke sekolah kebangsaan.

"Kita bersyukur walaupun pihak tertentu membuat fitnah dan dakyah mendakwa kita hendak menghapuskan Islam dan menutup SAR, mereka tidak menerima fitnah itu.

"Malah, mereka sudah berfikiran terbuka dan menolak segala fitnah terhadap Kerajaan Pusat.

"Ini bermakna guru terbabit tidak percaya dengan dakyah tertentu kononnya kita hendak menghapuskan Islam dan menutup SAR," katanya.

Sementara itu, JPN negeri menyediakan lebih 1,600 borang tawaran kepada

guru SAR di negeri ini yang berminat menyertai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia (PPM).

Shafii berkata, semua guru SAR di peringkat sekolah rendah dan menengah

boleh mendapatkan borang itu di jabatan berkenaan dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) mulai hari ini.

Katanya, tarikh tutup tawaran dan penyerahan borang yang lengkap diisi untuk jawatan Guru Sandaran Terlatih (GST) dan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) pada 28 Februari ini.

"Calon yang berjaya dalam temuduga akan diberi latihan perguruan berdasarkan kelulusan akademik dan kelayakan bagi lantikan tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP).

"Selepas itu mereka akan diberi gaji, elaun dan lain-lain kemudahan seperti guru kelolaan Kementerian Pendidikan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berucap pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Sekolah Menengah Kebangsaan Air Panas, Jeli, 16 Januari

lalu berkata, kerajaan mempelawa guru SAR yang berkelayakan untuk diserapkan dalam skim perkhidmatan pendidikan kerajaan bagi mengajar agama di sekolah kebangsaan.

Perdana Menteri berkata, mereka akan ditawarkan gaji lebih baik daripada gaji yang mereka peroleh di SAR sebelum ini.

Malah, katanya, guru SAR tidak terlatih akan turut ditawarkan dan kerajaan sanggup memberi latihan perguruan kepada mereka, tetapi akan diambil sebagai guru sementara kerana kerajaan perlu tahu sama ada mereka ikhlas atau tidak.

Mengenai perbezaan kadar gaji guru kementerian dengan SAR untuk pelbagai peringkat kelayakan, Shafii berkata, bagi lulusan ijazah kepujian yang mengajar di sekolah aliran kebangsaan ialah RM2,045 berbanding guru SAR RM1,221.

Guru lulusan ijazah am di sekolah kebangsaan ialah RM1,888 berbanding SAR RM1,155; diploma (RM1,374.57/RM612); Sijil Tinggi Agama (STU)/Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) (RM1,098/RM616 dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) (RM1,053/RM550).

Katanya, untuk keterangan lanjut mengenai SAR, guru terbabit boleh menghubungi Pegawai Perhubungan JPN, Mohd Adnan Hassan Nordin atau Che Mat

Hussin Yaakob menerusi talian 09-7418000.